

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.12.2015

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senaraikan perbandingan nilai (dalam RM) setiap bon hutang Kerajaan Malaysia pada 30 September 2015 berbanding 31 Disember 2014 dan nyatakan kenaikan bayaran faedah (coupon) bagi setiap bon hutang bagi tempoh perbandingan yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan pada

akhir September 2015 adalah berjumlah RM623.3 bilion atau 53.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.4% atau RM601.1 bilion adalah hutang dari sumber domestik dan dalam mata wang ringgit terutamanya dalam instrument Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGII), sementara bakinya RM22.2 billion atau 3.6% merupakan pinjaman luar pesisir. Manakala, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2014 adalah berjumlah RM582.8 bilion yang meliputi RM566.1 billion hutang dari sumber domestik dan RM16.8 billion hutang luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan ini kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran khidmat hutang adalah dibuat berdasarkan kepada jadual yang telah ditetapkan oleh pemegang bon, sukuk serta pemberi hutang yang lain. Sepanjang tahun 2014, sejumlah RM22.6 billion telah dibelanjakan bagi pembayaran kupon bon dan sukuk. Daripada jumlah tersebut, RM22.1 billion telah dibayar kepada pemegang bon dan sukuk yang diterbitkan di pasaran domestik, manakala RM0.5 billion bagi bayaran keuntungan (kupon) bagi sukuk yang

diterbitkan di pasaran luar pesisir. Bagi tempoh Januari - September 2015, RM18.2 billion telah digunakan untuk bayaran kupon kepada pemegang bon dan sukuk yang diterbitkan di pasaran domestik, manakala RM0.4 billion bagi bayaran keuntungan (kupon) bagi sukuk yang diterbitkan di pasaran luar pesisir.